



RUSDI OMAR

10 agenda transformasi pendidikan tinggi 2025

PADA Khamis lalu, Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir telah mengumumkan 10 Agenda Transformasi Pendidikan Tinggi 2025 dalam Majlis Perutusan Tahun Baharu 2025 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor.

Agenda ini diperkenalkan untuk menangani isu-isu kritikal dalam sektor pendidikan tinggi di Malaysia serta mewujudkan hala tuju yang lebih kukuh dan dinamik bagi masa depan. Pengenalan agenda-agenda ini mencerminkan pengalaman luas Dr. Zambry dalam bidang pendidikan tinggi, yang membolehkan beliau mengenal pasti cabaran utama sektor ini dan merangka penyelesaian yang strategik dan berwawasan.

Setiap satu daripada 10 agenda ini diperkenalkan bagi menangani masalah semasa yang dihadapi di mana jangkaan hasil daripada pelaksanaannya akan membantu mengatasi masalah semasa tersebut.

10 agenda ini juga merupakan inisiatif yang sudah lama dinantikan oleh pelbagai pihak berkepentingan. Ia adalah hasil daripada libat urus meluas Dr. Zambry dengan pelbagai pihak termasuk ahli akademik, pelajar, industri, dan agensi berkaitan.

AGENDA 1: KAJI SEMULA KENAIKAN PANGKAT IPT

Masalah: Aturan semasa bagi kenaikan pangkat di institusi pengajian tinggi (IPT) tidak adil kepada individu yang berkhidmat di luar kampus, seperti di agensi dan jabatan lain dalam perkhidmatan awam. Mereka sering kali tidak mendapat pengiktirafan terhadap pengalaman kerja dan tahap senioriti mereka.

Penyelesaian: KPT akan menyusun semula sistem kenaikan pangkat untuk memastikan keadilan bagi kakitangan yang berkhidmat di luar kampus. Langkah ini akan mengiktiraf sumbangan mereka, sekaligus meningkatkan moral dan motivasi.

Hasil Diharapkan: Pengiktirafan pengalaman kerja yang lebih menyeluruh dan adil, yang akan mendorong lebih ramai individu untuk mengambil peranan di luar kampus tanpa rasa terpinggir.



DENGAN pelaksanaan 10 agenda ini, sektor pendidikan tinggi Malaysia dijangka mencapai tahap baharu yang lebih cemerlang dan mampu bersaing di peringkat global.

AGENDA 2: KENAIKAN PANGKAT AHLI AKADEMIK DI IPT

Masalah: Terdapat perbezaan ketara dalam dasar kenaikan pangkat antara IPT, yang menimbulkan ketidakpuasan hati dan ketidaksetaraan dalam kalangan ahli akademik.

Penyelesaian: Penubuhan jawatankuasa khas untuk mengkaji semula dasar kenaikan pangkat ahli akademik supaya wujud standardisasi antara IPT.

Hasil Diharapkan: Dasar kenaikan pangkat yang lebih seragam dan adil, meningkatkan motivasi dan daya saing dalam kalangan ahli akademik.

AGENDA 3: KEBEBASAN BERSUARA DI UNIVERSITI (AKTA 605)

Masalah: Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605) menyekat kebebasan bersuara ahli akademik di universiti awam, terutamanya dalam bidang kepakaran mereka.

Penyelesaian: KPT akan memohon pengecualian universiti awam daripada Akta 605, membolehkan ahli akademik menyuarakan pandangan berdasarkan kepakaran mereka.

Hasil Diharapkan: Persekitaran akademik yang lebih bebas dan progresif,

memupuk pemikiran kritis dan inovasi.

AGENDA 4: KAJI SEMULA AKTA IPTS 1996 (AKTA 555)

Masalah: Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) tidak lagi relevan dengan keperluan sektor pendidikan tinggi swasta yang sedang berkembang pesat.

Penyelesaian: Kajian menyeluruh terhadap Akta 555 dengan penglibatan pihak berkepentingan seperti institusi, pelajar, dan industri.

Hasil Diharapkan: Akta yang lebih relevan dan berkesan dalam menyokong pembangunan pendidikan tinggi swasta.

AGENDA 5: PINDAAN AKTA 550 BAGI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Masalah: Tadbir urus Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) tidak mempunyai struktur kuasa yang jelas, menyukarkan pertumbuhan institusi tersebut.

Penyelesaian: Pindaan Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) untuk memperkukuh tadbir urus dan menjadikan POLYCC lebih dinamik.

Hasil Diharapkan: POLYCC sebagai institusi berteraskan TVET yang lebih unggul dan teratur.

AGENDA 6: MEWUJUDKAN UNIT RDICE DI SETIAP IPT

Masalah: Kurangnya kerjasama antara akademik dan industri, yang menyebabkan peluang pemindahan teknologi dan pembangunan syarikat pemula tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Penyelesaian: Penubuhan Unit Research, Development, Innovation, Commercialization, and Entrepreneurship (RDICE) di setiap IPT.

Hasil Diharapkan: Kerjasama yang lebih erat antara akademik dan industri, mempercepatkan inovasi dan pertumbuhan ekonomi.

AGENDA 7: MENGAJAI BEBAN KERJA AHLI AKADEMIK

Masalah: Ahli akademik menghadapi beban kerja yang tinggi, termasuk keperluan clock in yang tidak fleksibel, yang mengganggu keseimbangan kerja dan kehidupan.

Penyelesaian: Penubuhan jawatankuasa untuk mengkaji isu ini dan mencadangkan langkah-langkah fleksibiliti kerja.

Hasil Diharapkan: Peningkatan produktiviti dan kesejahteraan ahli akademik melalui sistem kerja yang lebih fleksibel.

AGENDA 8: IPT DI BAWAH KERAJAAN NEGERI

Masalah: Kerjasama antara IPT Negeri (IPTN) dengan KPT dan IPT lain kurang tersusun, mengakibatkan potensi yang tidak dimanfaatkan.

Penyelesaian: Kajian semula kedudukan dan kerjasama IPTN dengan pihak berkaitan.

Hasil Diharapkan: Kolaborasi yang lebih strategik dan berkesan antara IPTN dan KPT.

AGENDA 9: STRUKTUR SEMULA PEJABAT EDUCATION MALAYSIA (EM)

Masalah: Struktur semasa Pejabat Education Malaysia tidak lagi bersesuaian dengan jumlah pelajar Malaysia di luar negara.

Penyelesaian: Penyusunan semula Pejabat EM untuk meningkatkan kecekapan dan hubungan strategik Malaysia dengan negara lain.

Hasil Diharapkan: Perkhidmatan sokongan yang lebih baik untuk pelajar dan penguatkuasaan hubungan antarabangsa.

AGENDA 10: PEMUSATAN KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

Masalah: Proses kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia tidak seragam dan terdedah kepada isu ketulenan dokumen.

Penyelesaian: Membangunkan sistem pemusatan untuk memastikan dokumen sah dan setaraf.

Hasil Diharapkan: Proses kemasukan yang lebih lancar dan telus, meningkatkan daya tarik Malaysia sebagai destinasi pendidikan.

Dengan pelaksanaan 10 agenda ini, sektor pendidikan tinggi Malaysia dijangka mencapai tahap baharu yang lebih cemerlang dan mampu bersaing di peringkat global.

Lebih penting lagi, agenda-agenda ini akan membantu pencapaian prinsip Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usaha membina sebuah negara yang lebih progresif, inklusif dan harmoni.

PROFESOR Dr. Rusdi Omar adalah Dekan di Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie (GSGSG), Universiti Utara Malaysia (UUM).